

Usul RMKe-12 ujian komitmen kerjasama rentas parti


Kuala Lumpur: Usul Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) yang akan dibentang di Dewan Rakyat hari ini, menjadi ujian pertama bagi kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, membuktikan komitmen kerjasama rentas parti yang dimeterainya bersama pembangkang, menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) Transformasi dan Kestabilan Politik.

Sebaik usul RMKe-12 dibentangkan Ismail Sabri bermula kira-kira jam 11.30 pagi, tumpuan sudah pasti ke arah sesi perbincangan ahli Parlimen kedua-dua blok yang bermula esok, di mana mereka diberi peluang berdebat bagi mengulas inti pati yang terkandung dalam dokumen RMKe-12, termasuk mengemukakan kritikan, cadangan serta pandangan balasnya terhadap rancangan pembangunan lima tahun negara.

Sudah pasti, MoU yang ditandatangani kerajaan dan Pakatan Harapan (PH) pada 13 September lalu menjadi antara panduan kerajaan merencana bentuk pembangunan yang boleh disepakati dan memenuhi reformasi pembangkang serta bagi blok pembangkang pula, mahu kan kehendak dan buah fikiran mereka khususnya yang membabitkan dasar berkepentingan rakyat, mesti diutamakan.

Berbekal majoriti sokongan 114 Ahli Parlimen di-miliki Perdana Menteri ketika ini, kerajaan pastinya mengharap kan usul RMKe-12 yang dibentang hari ini tidak berdepan halangan sukar untuk diluluskan kelak, memandangkan ia su-

dah mengalami kelewatan kira-kira sembilan bulan, selain dipinda sekurang-kurangnya dua kali daripada tarikh asal, iaitu pada 6 Ogos tahun lalu kepada Januari tahun ini.



Sivamurugan Pandian

Jika usul RMKe-12 dapat disepakati secara bersama, ia akan diluluskan tanpa sebarang pindaan, sekali gus melengkapkan bahagian terakhir dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) di bawah strategi 6R, iaitu *reform (resolve, resilient, restart, recovery, revitalize)*, di mana RMKe-12 ditetapkan sebagai asas kukuh bagi membentuk sebuah negara berteknologi dan berpendapatan tinggi.

Sementara itu, penganalisis politik dari Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr Sivamu-

rugan Pandian, berpandangan RMKe-12 adalah percubaan pertama kerajaan untuk memastikan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2022 atau Bajet 2022 yang akan dibentang dan diluluskan sebaiknya bulan depan.

Beliau menjangkakan usul RMKe-12 boleh disepakati kerajaan dan pembangkang, memandangkan ia dokumen yang berpaksi agenda untuk rakyat, seiring matlamat dimeterai dalam MoU berkenaan.

"Kedua-dua sudah bersetuju dalam MoU itu, tumpuan adalah agenda rakyat. Bermakna RMKe-12 adalah cerminan ke atas kesepakatan perikatan rakyat yang cuba diketengahkan oleh kedua-duanya.

"Saya melihat RMKe-12 adalah sesuatu yang akan turut diuji dalam belanjawan nanti dan bagaimana persetujuan dari satu peringkat ke peringkat lain di-

buat bersama untuk memudahkan proses persetujuan kini dan proses penyampaian kemudian," katanya.

Sesi perbincangan usul RMKe-12 akan berlangsung sehingga 4 Oktober depan disusuli penggulangan oleh menteri berkaitan.

Sementara itu, berdasarkan aturan urusan mesyuarat Dewan Rakyat hari ini, selain usul RMKe-12, tumpuan sidang juga kepada pembentangan bagi bacaan kali kedua beberapa Rang Undang-Undang (RUU) antaranya, RUU Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020; RUU Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 serta RUU Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020.

Selain itu, RUU Lembaga Angkasa Malaysia 2020; RUU Suruhanjaya Bebas Tatakhlak Polis 2020 serta RUU Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2021.